

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : MAJLIS PENYAMPAIAN BUNGKUSAN HARI RAYA UNTUK PASUKAN
KESELAMATAN MALAYSIA
Lokasi : SRI PERDANA, KUALA LUMPUR
Tarikh : 24-04-1989

Yang Berbahagia Jeneral Tan Sri Mohd Hashim, Panglima Angkatan Tentera dan Puan Sri; Yang Berbahagia Datuk Haji Mohd Zaman Khan, Wakil Ketua Polis Negara; Yang Berbahagia Panglima-Panglima dan Laksamana Angkatan Tentera; Pegawai-Pegawai Kanan Polis; Yang Berbahagia Tun Omar Ong; Yang Berbahagia Yang di-Pertua dan Wakil Persatuan; Penderma-penderma yang budiman; Puan-puan dan Tuan-tuan yang dihormati sekalian, Assalamualaikum dan salam sejahtera, Terlebih dahulu saya mengucapkan selamat datang dan terima kasih kerana sekali lagi sudi melapangkan masa untuk hadir dalam majlis Penyampaian Bungkusan Hari Raya kepada Pasukan Keselamatan Malaysia bagi tahun 1989 anjuran bersama Persatuan-Persatuan Wanita dan juga pihak swasta.

2. Setelah Majlis 1988 Laporan Penilaian mencadangkan Jawatankuasa Induk mula bertugas pada awal bulan Januari supaya kerja-kerja dapat dijalankan dengan lebih teratur dan sempurna. Kami juga berharap supaya lebih banyak lagi Persatuan akan mengambil bahagian. Itulah hasrat hati tetapi 'what Man proposes, God disposes' dan itulah yang berlaku. Saya terpaksa bercuti selama 9 minggu dari bulan Januari hingga penghujung bulan Mac ini.

3. Namun demikian, setelah berunding dengan Yang Berbahagia Tan Sri Fatimah secara ringkas, dipersetujui agar kita menempah sahaja serunding dan nasi impit dan mengumpulkan derma daripada tiap-tiap persatuan untuk membiayainya.

4. Syukur alhamdulillah, Jawatankuasa Kerja Bungkusan ditubuhkan terdiri daripada ahli-ahli BAKTI dan Pejabat Perdana Menteri untuk menguruskan persediaannya.

Sambutan daripada 29 Persatuan Wanita dan pihak swasta diterima melalui pengakuan-pengakuan derma wang atau benda-benda.

5. Sejumlah 25,500 bungkusan perlu disediakan: 8,500 untuk Pasukan Polis dan 17,000 untuk Pasukan Tentera termasuk Angkatan Tentera yang bertugas di Namibia dan Iran- Iraq di bawah naungan Bangsa-Bangsa Bersatu.

6. Oleh kerana Pasukan ke Namibia mula berlepas pada 19hb.

April, 1989 saya telah mengadakan majlis penyampaian khas untuk mereka pada 15hb. April, 1989 di sini. 900 bungkusan serunding dan nasi impit untuk Angkatan Tentera di Namibia dan 15 bungkusan untuk mereka di Iran-Iraq telah disampaikan kepada Panglima Angkatan Tentera dan panglima-panglimanya. Saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada BAKAT yang menolong menyediakan 915 bungkusan-bungkusan itu.

7. Dimaklumkan juga bahawa kita telah memberi krim kulit untuk Pasukan ke Namibia dan Iran-Iraq untuk mengelakkan kekeringan kulit mereka kerana keadaan cuaca yang panas dan kering.

8. Sejumlah 18,500 bungkusan disediakan pada 18hb. April, 1989 di Dewan Serbaguna, Kementerian Pertahanan. Seramai 90 peserta daripada 15 persatuan telah hadir dan bekerja kuat hingga sempurna bungkusan-bungkusan pada hari itu juga.

Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada peserta-peserta yang datang bukan sahaja untuk menyumbangkan derma tetapi juga tenaga dan masa pada hari itu.

Puan-puan dan tuan-tuan,

9. Pada tahun ini, 11 buah pihak swasta telah menyahut seruan kami. 9 syarikat telah menyumbangkan wang, satu syarikat telah menyumbangkan kacang dan satu lagi membiayai percetakan senarai persatuan dan para dermawan. Nama-nama mereka akan diumumkan sebentar lagi. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan dan terima kasih atas kerjasama dan sumbangan derma mereka kepada projek ini.

Jumlah cek yang diterima daripada pihak swasta ialah sebanyak \$32,300. Mungkin akan ada yang akan memenuhi akuan mereka pada pagi ini.

10. Persatuan-persatuan juga tidak mahu ketinggalan. 26 persatuan telahpun mengirinkan cek mereka yang berjumlah \$64,555. Tiga sahaja lagi persatuan masih belum mengirinkan cek mereka. Mungkin juga mereka ingin menyampaikannya pada pagi ini.

11. Di sini saya merakamkan berbilang terima kasih kepada setiap persatuan yang menyumbangkan wang, tenaga dan masa.

Penghargaan khas saya tujukan kepada Persatuan Pandu Puteri Malaysia yang menyumbangkan kad-kad hari raya yang lebih cantik dan menarik pada tahun ini. Syabas, tahniah dan terima kasih.

Puan-puan dan tuan-tuan,

12. Pada tahun lepas, lebih banyak kerja dan masalah berlaku. Saya masih ingat lagi betapa risaunya kita semua manakala bungkusan tidak siap dalam jangkamasa yang ditetapkan. Pada tahun ini Leftenan Kolonel Azzam tersenyum lebar dan tidak menepuk dahi "ayo yo samy" setiap kali saya minta kemajuan bungkusan setiap jam. Selain daripada itu, kerjasama yang diberikan oleh pihak tentera dan polis di Dewan Serbaguna amat memuaskan dan saya mengucapkan berbilang terima kasih kerana menyelesaikan logistik dan penyimpanan bungkusan-bungkusan yang siap.

13. Jarang kita dapati pembekal pesanan menyumbang pula bahan-bahan kepada pekerja-pekerja bungkusan dan membantu memasukkan bungkusan-bungkusan itu ke dalam kotak-kotak yang disediakan pula. Kepada Mejar Mansur saya ucapkan berbilang terima kasih daun keladi.

14. Bagi pihak Jawatankuasa Induk, saya perlu mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Mulia Tengku Maziah, Yang Berbahagia Toh Puan Dr. Aishah Ong, Datin Norhayati, Puan Maniseh dan pekerja-pekerja di Pejabat Perdana Menteri yang bertungkus-lumus bertugas untuk menguruskan projek ini sewaktu saya bercuti. Tanpa usaha mereka yang gigih itu, kita tidak akan mencapai matlamat kita yang berkemuncak pada pagi ini. Kepada mereka saya ucapkan syabas.

Puan-Puan dan tuan-tuan,

15. Bungkusan Hari Raya ini adalah sumbangan kita yang amat kecil jika dibandingkan dengan kerelaan dan pengorbanan Pasukan Keselamatan kita. Namun, mesej yang kita ingin sampaikan ialah bahawa kita insaf dan mengenang jasa mereka yang jauh daripada keluarga dan bertugas dalam risiko yang amat tinggi. Kita memohon kepada Allah Yang Maha Esa semoga setiap anggota pasukan itu sentiasa diberi perlindungan dan kesejahteraan. Sama ada mereka berada di negara kita mahupun di Namibia atau Iran-Iraq, kita berdoa supaya mereka selamat bertugas demi kepentingan keamanan dan kedaulatan negara. Bungkusan-bungkusan ini diiringi dengan ucapan Selamat Hari Raya Aidil Fitri kepada mereka walau di mana juga mereka berada.

Para hadirin sekalian,

16. Saya sudah dengan sekali lagi mengucapkan berbilang terima kasih kepada tetamu-tetamu, para dermawan, para wakil-wakil persatuan dan semua yang menjayakan Projek Bungkusan Hari Raya untuk Pasukan Keselamatan 1989 ini.

Semoga Allah Yang Maha Esa meredhai dan memberkati usaha kita bersama ini.

Sekian, Selamat Hari Raya dan wassalamualaikum.